

18/09/2001

Sukan Sea berakhir, Malaysia dapat 111 emas

V Ashok; Halmi Samad

KUALA LUMPUR, Isnin - Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 ditutup dengan rasminya di Stadium Nasional, Bukit Jalil, malam ini dalam upacara penuh meriah yang menggambarkan semangat setiakawan serantau.

Suasana dan upacara berwarna-warni itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut mengumumkan penutupan temasya sukan terbesar Asia Tenggara itu yang berlangsung selama 10 hari sejak 8 September lalu.

Dr Mahathir, selepas majlis penutupan rasmi turut mengisytiharkan Sabtu ini sebagai cuti umum bagi menghargai kejayaan kontinjen negara dan rakyat Malaysia kerana memberi sokongan padu.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Hari ini, kontinjen negara memungut tiga pingat emas terakhir dari kolam renang di Pusat Akuatik Nasional menerusi acara terjun serentak (dua) dan renang berirama berduet (satu) untuk menjadikan keseluruhan jumlah pungutan kepada 111 emas, 75 perak dan 85 gangsa.

Ini adalah kali pertama Malaysia menjadi juara keseluruhan sejak temasya itu diperkenalkan sebagai Sukan Seap 1959 di Bangkok.

Bagi melengkapkan malam gemilang itu, ekuin negara, Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil diumumkan sebagai Olahragawan Sukan Sea atas kejayaan memenangi empat emas.

Olahragawati Sukan Sea pula menjadi milik jaguh pecut Thailand, Supavadee Khawpeag yang juga meraih empat emas, termasuk mencatat rekod baru kejohanan bagi acara 200 meter.

Kedua-dua atlit itu menerima trofi daripada Dr Mahathir.

Sambil itu slogan `Tam Biet Kuala Lumpur, Hen Gap Tai Viet Nam 2003' yang bermaksud `Selamat Tinggal Kuala Lumpur, Jumpa Anda Di Vietnam 2003' juga tertera di gelanggang selepas atlit dan pegawai dari 10 kontinjen negara berarak masuk ke padang.

Sejurus selepas Dr Mahathir menyempurnakan upacara penutup, penyerahan bendera Persekutuan Sukan Sea (SGF) dimulakan dengan diiringi tepukan penonton dan juga anggota dari semua kontinjen negara bertanding.

Tuanku Imran kemudian menyerahkan bendera kepada Menteri Sukan Vietnam, Nguyen Danh Thai yang diiringi Setiausaha Agung Majlis Olimpik Vietnam, Profesor Hoang Vinh Giang.

Sebagai tuan rumah baru, sekumpulan anggota penari kebudayaan negara itu dengan pakaian tradisional berwarna-warni mempersembahkan tarian "Ao Dai" sebagai menceritakan budaya dan kecantikan bandaraya Hanoi - gelanggang temasya dua tahun lagi.

Juara bertahan, Thailand hanya mampu menjadi naib juara kali ini selepas mengutip 103-86-89. Mereka juga mengakhiri cabaran dengan meraih dua emas dalam acara ekuestrian, pagi ini.

Bekas juara, Indonesia ketiga 72-74-80, diikuti tuan rumah Sukan Sea 2003, Vietnam 33-35-64, Filipina 30-66-67, Singapura 22-31-42, Myanmar 19-14-53, Laos 1-3-7, Kemboja 1-1-5 dan Brunei 0-5-6.

(END)